

OKU, ibu tunggal sokong 40,000 rumah kos rendah

BH
18/2/08
m/s 13

Oleh Siti Haliza Yusop

KUALA LUMPUR: Golongan orang kurang upaya (OKU), ibu tunggal dan warga emas di negara ini menyambut baik langkah kerajaan membina 40,000 unit rumah kos rendah di seluruh negara khusus bagi memenuhi keperluan kediaman golongan itu.

Mereka berpendapat, langkah itu adalah bukti keprihatinan kerajaan kepada golongan berkenaan, tetapi pada masa sama berharap agar kemudahan perumahan yang disediakan itu nanti bersesuaian dan mudah diakses terutama sekali bagi OKU dan warga emas.

Presiden Persatuan Terapi Bantuan Haiwan untuk Warga Kurang Upaya dan Warga Emas (Petspositive), Anthony Siva Balan Thanasayan, berkata beliau menyambut baik langkah diambil kerajaan itu.

Beliau berkata, OKU adalah antara golongan yang paling memerlukan bantuan lebih-lebih lagi bagi mereka yang semakin berumur dan ahli keluarga pula sudah meninggal dunia.

“Dengan kemudahan kediaman ini, ia akan membolehkan

mereka menjalani kehidupan lebih berdikari dan kerana itu apa yang dilakukan kerajaan ini adalah satu langkah yang sangat baik”, katanya.

Beliau berkata, pada masa sama kerajaan juga perlu memastikan pembinaan rumah kos rendah itu nanti mesra OKU bagi memudahkan pergerakan mereka, terutama sekali yang perlu menaiki kerusi roda untuk bergerak ke mana-mana.

“Ini termasuk memastikan kemudahan seperti kedai, balai polis dan hospital berada berdekatan dengan projek perumahan berkenaan”, katanya ketika dihubungi, di sini, semalam.

Pengerusi Persatuan Ibu Tunggal Mas Merah Wilayah Persekutuan dan Selangor, Sharifah Kamariah Syed Ibrahim, berkata beliau bangga dan bersyukur kerana kerajaan terus prihatin dengan nasib ibu tunggal di negara ini.

“Kami sangat berterima kasih di atas keprihatinan kerajaan dalam membela nasib ibu tunggal di negara ini.

“Bagi warga emas pula, kebanyakannya masih lagi menumpang dan tidak mempunyai rumah sendiri, jadi ini peluang buat mereka memiliki kediaman sendiri,” katanya.